

Yang Indah
dan Yang
Menarik

Seronok Teroka i-City



Untuk menikmati percutian bersama keluarga tidak semestinya anda perlu pergi jauh kerana bercuti di dalam Malaysia juga sudah merasai seperti berada di negara luar.

Ternyata i-City memahami kehendak tersebut dengan menjanjikan sesuatu yang terbaik kepada mereka untuk bercuti bersama keluarga atau rakan-rakan di sini.

Jika anda ingin berjumpa dengan tokoh-tokoh terkemuka dunia, di sini tersedia patung lilin di muzium lilin interaktif Red Carpet, juga bagi anda yang ingin merasai kesejukan salji dengan suhu di bawah 5 darjah celsius, Snowwalk menawarkan suasana iklim sejuk seperti di luar negara.

i-City yang terletak di Shah Alam juga dikenali sebagai taman tema 'edutainment' untuk kanak-kanak.

Santai bersama Keluarga di WaterWorld @i-City

i-City adalah salah satu destinasi percutian berkonsepkan taman tema terbaik dengan keindahan landskap cahaya lampu yang bergemerlapan di waktu malam, menggunakan teknologi lampu LED yang canggih.

Tarikan terbaru jika anda berkunjung ke i-City ialah taman tema air WaterWorld. Keriang yang terpancar di wajah anak-anak membuatkan sesiapa saja terutama ibu bapa amat seronok berkunjung ke taman tema air ini. Dibuka kepada umum pada November 2012, taman tema air ini menawarkan pelbagai permainan air termasuk gelongsor berkelajuan tinggi, gelongsor dalam tiub, jakuzi keluarga dan kolam kanak-kanak.

Bagi yang menggemari permainan lasak, jom kita mencuba permainan paling

popular di sana iaitu Tornado Ride iaitu permainan air yang pertama seumpamanya di ASEAN.

Bagi pembaca setia Kuntum, jika anda berjaya mendaftar ke Star Property Fair 2014 yang akan berlangsung pada **13 hingga 16 September 2014** di i-City Edition Shah Alam, anda boleh memiliki **2 tiket percuma** untuk memasuki Red Carpet!

starproperty.my

FAIR 2014

i-City Edition Shah Alam

Sept 13 - 16, 3pm - 9pm

FREE* entrance tickets to Red Carpet.
Each successful registration will receive
2 tickets worth RM70.00.

Term & Condition Apply:

* Tickets are strictly for use on the same day and valid during the fair operation hours only. Redemption is open from 3.00pm to 5.00pm at i-Gallery and last entry is before 6pm.

Scan the QR to register or check out at <http://fair.starproperty.my/>

